



Banjir terburuk

HAMPIR 80 peratus kawasan di Alor Setar ditenggelami air manakala lebih 40,000 penduduk dipindahkan, semalam.

Laporan di muka **8,9,10,11** →

Projek KTMB bukan punca banjir

Bencana alam luar biasa turut landa Thailand serta Kelantan, Terengganu

KUALA LUMPUR: Cua-
ca buruk luar biasa
dan pelepasan air dari
Empangan Timah Tasoh,
Perlis menjadi punca Kedah
dilanda banjir teruk, bukan-
nya Projek Landasan Ber-
kembar Elektrik (PLBE)
Ipoh-Padang Besar seperti
yang didakwa kerajaan PAS
Kedah.

Sehubungan itu, Keretapi
Tanah Melayu Berhad
(KTMB) menafikan Projek
PLBE Ipoh-Padang Besar
menjadi punca banjir, malah
pengendalian projek itu oleh
pemaju, MMC-Gamuda Joint
Venture (Gamuda) mematuhi
piawai ditetapkan pihak
berkuasa tempatan (PBT)
dan Jabatan Pengairan Sa-
liran (JPS) terutama dari as-
pek sistem saliran.

Malah, KTMB dalam ke-
nyataan yang dikeluarkan di
sini, semalam menyebut, pi-
haknya menanggung kerugi-
an mencecah jutaan ringgit
apabila struktur dan landa-
san baru yang sedang dibina
rosak akibat banjir, selain
kerja projek tertangguh.

"KTM Berhad sekali lagi
menafikan projek landasan
berkembar adalah punca ke-
pada kejadian bencana alam



PENDUDUK di Anak Bukit, Alor Setar menaiki kenderaan mengangkut barangan rumah selepas air banjir semakin naik, semalam.

luar biasa di Kedah dan se-
kitarnya. Ini kerana bencana
alam sama juga melanda ne-
gara jiran Thailand selain
negeri di Pantai Timur iaitu
Kelantan dan Terengganu.

"Kejadian bencana alam
ini bukan hanya membawa
musibah kepada penduduk
sekitar, malah kepada per-
khidmatan tren KTM Ber-

had. Dari 1 November lalu
hingga hari ini (semalam) se-
banyak 20 perkhidmatan tren
menuju ke Utara terpaksa di-
batalkan dan KTMB menang-
gung kerugian," kata nyata-
taan itu.

Kenyataan itu dikeluarkan
bagi mengulas dakwaan ke-
rajaan PAS Kedah kononnya
banjir buruk yang melanda

negeri itu adalah disebabkan
pelaksanaan Projek PLBE
Ipoh-Padang Besar. Kerajaan
negeri menggesa kontraktor
projek terbabit membesarkan
saliran air supaya air
banjir dapat disalurkan ke
sungai dengan cepat.

Menteri Besar Kedah, Da-
tuk Seri Azizan Abdul Razak
dilaporkan, berkata ketika

banjir besar melanda Kedah
kira-kira lima tahun lalu, La-
pangan Terbang Sultan Ab-
dul Halim dan beberapa ka-
wasan lain tidak pernah di-
tenggelami air, tetapi sejak
pembinaan Projek PLBE
Ipoh-Padang Besar dilaksa-
nakan, banjir yang melanda
Kedah dilihat makin buruk.

KTMB menambah, piha-
knya berharap banjir kembali
pulihan bagi membolehkan per-
khidmatan tren diteruskan
dan pelaksanaan projek di-
sempurnakan mengikut ja-
dual.

"Projek itu akan memberi
manfaat kepada penduduk di
setiap negeri di mana kemu-
dahan itu merentasi termasuk
Kedah," katanya.

Kenyataan itu menyebut,
KTMB dan pemaju Projek
PLBE-Ipoh Padang Besar
akan terus memantau mas-
alah banjir di Kedah serta
memberi bantuan diperlu-
kan bagi memastikan kese-
lamatan orang ramai terja-
min dan kemusnahan harta
benda dikurangkan.

Projek PLBE Ipoh-Padang
Besar bermula pada akhir
2008 dan kini mencapai ke-
majuan keseluruhan seba-
nyak 54 peratus.

'Terburuk dalam 40 tahun'

ALOR SETAR: Banjir besar yang melanda bandar raya ini sejak Ahad lalu disifatkan terburuk sejak 40 tahun lalu mengikut pemerhatian penduduk tempatan dan golongan veteran yang sudah lama menetap di sini.

Seorang penduduk, Ahmad Abas, 66, berkata kejadian banjir besar yang pernah melanda Kedah termasuk Alor Setar pada 1985 dan 2005 tidak seburuk banjir tahun ini.

Ahmad yang dilahirkan di Alor Malai, di sini dan menetap di Taman PKNK berkata, beliau tidak menolak kemungkinan kawasan perumahannya dinaiki air berikutan parit utama sudah penuh, malah melimpah ke kawasan sekitar.

"Jika banjir naik hingga ke kawasan ini, bermakna bencana kali ini adalah yang terburuk sejak 66 tahun saya menetap dan membesar di Alor Setar," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Difahamkan, bencana alam ini bertambah buruk berikutan pengaliran air da-

ri kawasan tinggi seperti Padang Terap, Pokok Sena dan Kubang Pasu ke daerah Kota Setar selain faktor fenomena laut pasang sejak malam kelmarin.

Ahmad berkata, keadaan yang disifatkan genting itu memaksa mereka sekeluarga membuat persediaan termasuk mengemas pakaian serta menyimpan peralatan elektrik dan perabot.

"Ketika banjir besar berlaku pada 2005, kebanyakan kawasan di daerah Kota Setar dinaiki air tetapi beberapa taman perumahan di si-

ni, tidak terjejas. Situasi yang berlaku kali ini cukup berbeza," katanya.

Sementara itu, pesara guru, Shuib Hussin, 66, dari Taman Uda di sini, berkata beliau yang menetap di kawasan perumahan itu sejak 44 tahun lalu tidak pernah berdepan banjir teruk.

Shuib berkata, rumahnya dinaiki air setinggi hampir satu meter sejak awal pagi kelmarin, menyebabkan mereka sekeluarga terpaksa berpindah ke rumah saudara di kawasan tinggi.

"Saya terpaksa meletakkan kenderaan di masjid berdekatan. Suasana ketika ini sangat mencemaskan kerana kita bimbang jika hujan berterusan, banjir akan menjadi semakin teruk hingga menyebabkan bandar raya ini lumpuh.

"Sehubungan itu, kita berharap misi bantuan diperluaskan bukan hanya di kawasan pusat pemindahan bahkan di tempat berisiko. Tambahan pula, bekalan air dan elektrik di beberapa kawasan sudah diputuskan sejak kelmarin," katanya.



Suasana ketika ini sangat mencemaskan kerana kita bimbang jika hujan berterusan, banjir semakin teruk hingga bandar raya ini lumpuh"

Shuib Hussin
Pesara

750 pesakit kronik dipindah

TNB terpaksa potong bekalan elektrik HSB akibat banjir

ALOR SETAR: Seramai 750 pesakit kronik di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di sini, terpaksa dipindahkan ke beberapa hospital lain berikutan pemotongan bekalan elektrik akibat banjir di kawasan itu, pagi semalam.

Difahamkan, Tenaga Nasional Berhad (TNB) terpaksa memotong bekalan elektrik di HSB di Jalan Langgar di sini untuk tujuan keselamatan jam 11.30 pagi semalam, selepas air banjir mula naik di kawasan sekitar awal pagi.

Jurucakap HSB berkata, generator di HSB hanya mampu membekalkan kuasa elektrik maksimum enam jam menyebabkan pihak hos-

pital terpaksa memindahkan pesakit berkenaan.

Proses pemindahan pesakit dari HSB ke Plaza Tol Alor Setar Selatan dibantu Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) dari 6 Briged Sungai Petani dengan membabitkan 40 anggota bersama 10 trak tentera dan dua ambulans.

Dari plaza tol itu mereka dibawa dengan kenderaan lain, termasuk ambulans ke beberapa hospital di selatan yang tidak terjejas dengan bencana berkenaan.

Difahamkan, keutamaan diberi kepada kebanyakan pesakit terdiri daripada ibu mengandung, kanak-kanak, warga tua dan pesakit di unit kecemasan (ICU).

Panglima 6 Briged, Datuk Tajri Ali, berkata pihaknya dimaklumkan mengenai pemotongan bekalan elektrik itu oleh TNB pada jam 10 pagi, sebelum membantu pihak hospital menguruskan proses pemindahan berkenaan.

“Semua pesakit ini akan dihantar ke hospital di selatan termasuk Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) Sungai Petani, Hospital Kulim, Hospital Seberang Jaya dan Hospital Pulau Pinang.

“Kerja pemindahan ini dilakukan dengan bantuan doktor, pegawai perubatan dan jururawat HSB,” katanya semalam.

Di KUALA LUMPUR, sebanyak 54 pasukan perkhid-

matan perubatan ditempatkan di pusat penempatan banjir di Utara semenanjung sebagai persiapan kemungkinan mangsa banjir dijangkiti penyakit bawaan termasuk virus kencing tikus.

Sehubungan itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata mangsa banjir diingatkan berjaga-jaga walaupun tiada mangsa dijangkiti penyakit itu.

“Perkara penting yang harus diutamakan mangsa banjir yang di pindahkan di pusat pemindahan banjir adalah kawalan kesihatan memandangkan lokasi pemindahan dipenuhi orang dan mereka terdedah kepada pelbagai jenis penyakit,” katanya.



ANGGOTA tentera dan bomba membantu memindahkan pesakit kronik dari HSB di Alor Setar, semalam.

Tindakan PAS Kedah lewat hulu bantuan dipersoal

Ramai mangsa banjir merungut makanan tidak cukup

ALOR SETAR: Ketika mangsa banjir yang dipindahkan di Kedah meningkat lebih 40,000 orang semalam, pelbagai pihak mempersoalkan bantuan daripada jentera kerajaan negeri yang lemah dan tidak teratur sehingga menyukarkan mangsa bencana itu.

Setakat ini, bantuan banyak disalurkan jentera Kerajaan Pusat, parti politik terutama Barisan Nasional (BN) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk yang datang dari luar negeri ini.

Setakat ini, bantuan adalah daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), polis, Pasukan Bomba dan Penyelamat, tentera serta beberapa NGO termasuk Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM).

Ahli Parlimen Kota Setar yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Chor Chee Heung, berkata kerajaan negeri seperti tidak dapat mengendalikan krisis besar seperti ini hingga menyebabkan kesukaran kepada mangsa banjir.

Katanya, beliau menerima banyak rungutan mangsa banjir tidak puas hati dengan bantuan yang lewat.

"Kerajaan negeri sepatutnya lebih bersedia dalam mengatur dan menyelaraskan bantuan berikutan hujan berpanjangan sejak Sabtu lalu. Saya turut tidak berpuas hati dengan tahap kerjasama dari bantuan kerajaan negeri kerana lewat dan tidak teratur yang menyusahkan mangsa banjir," katanya di sini, semalam.

Menteri Pembangunan Wa-



SHAHRIZAT membantu mengisikan nasi di dalam bekas untuk diagihkan kepada mangsa banjir ketika meninjau bantuan dan keperluan asas yang disalurkan di Kangar, Perlis kelmarin.

nita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil yang melawat mangsa banjir di negeri ini Rabu lalu turut kesal kerana kelewatan dan ketidakcekapan bantuan kerajaan PAS Kedah dalam membantu mangsa banjir di negeri ini.

Turut mengakui menerima banyak rungutan mangsa banjir ketika melawat beberapa pusat pemindahan ialah Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Shahlan Ismail.

Shahlan berkata, orang ramai sama ada yang dipindahkan atau yang masih tinggal di rumah masing-masing mempersoalkan ketiadaan bantuan kerajaan negeri, terutama dalam menghantar bekalan makanan dan minuman sedangkan hal berkaitan air terletak dalam bidang kuasa kerajaan negeri.

"Saya mendapat tahu ramai penduduk yang tidak berp-

nah ke pusat pemindahan kerana banjir di kawasan mereka tidak terlalu serius tidak mendapat bekalan air bersih daripada Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd (SADA) atau bekalan lewat diberikan.

"Ini menimbulkan masalah kepada penduduk yang tertekan dengan keadaan itu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, keadaan itu menyebabkan Kerajaan Pusat terpaksa mendapatkan bantuan lori tangki dari Perak untuk menghantar bekalan air bersih kepada mangsa banjir di negeri ini.

Sementara itu, jurucakap Bilik Gerakan Banjir Majlis Keselamatan Negara (Kedah) ketika dihubungi berkata, Kubang Pasu mencatat mangsa dipindahkan paling ramai, iaitu 21,109 orang; Kota Setar (16,498 orang); Pokok Sena (1,767); Padang Terap (657); Pendang (241).

Sementara itu, tujuh jalan di Kota Setar ditutup untuk semua kenderaan, manakala 21 jalan di tiga daerah ditutup kepada kenderaan ringan. Jalan yang ditutup kepada semua kenderaan di Kota Setar ialah Jalan Hutan Kampung-Kepala Batas; Jalan Langgar-Simpang Hutan Kampung; Jalan Sultanah; Jalan Alor Setar-Kangar; Jalan Alor Setar-Kepala Batas; Jalan Alor Janggus-Gunung Keriang; dan Jalan Gunung Keriang-Sungai Korok.

Di KANGAR, banjir di Perlis semakin pulih dengan 12,837 mangsa membabitkan 2,395 keluarga kini ditempatkan di 47 pusat pemindahan, berbanding 13,773 orang kelmarin.

Bilik Gerakan Banjir negeri mengesahkan 13 daripada pusat pemindahan yang dibuka sejak lima hari lalu, sudah ditutup dengan hampir separuh daripadanya membabitkan kawasan Padang Besar.

Bah di Utara paling buruk sejak 2005

KUALA LUMPUR: Fenomena banjir di perairan pantai utara, Kedah dan Perlis adalah antara bah paling buruk berbanding fenomena yang berlaku pada 2005.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr Yap Kok Seng, berkata banjir kali ini dianggap dahsyat kerana berlaku pembentukan lekukan tropika berbanding kejadian hujan monsun pada 2005.

Katanya, pembentukan lekukan tropika dikesan di Laut China Selatan berdekatan perairan Malaysia dan ia melintasi perairan Utara Semenanjung pada 1 November lalu.

"Apabila berlakunya lekukan tropika, angin sistem tekanan rendah mengakibatkan pembawaan hujan lebat ke Perlis, Kedah Utara dan utara Kelantan.

"Justeru, berlakunya banjir besar dan menjejaskan kawasan Utara Semenanjung terutama di kawasan hulu Sungai Kedah," katanya kepada *Berita Harian*, semalam.

Difahamkan, jumlah hujan yang diterima dianggarkan melebihi purata hujan bagi Oktober dan November di kedua-dua negeri itu.

Di Alor Setar, jumlah hujan dicatatkan meningkat dua ka-

li ganda iaitu 207mm berbanding 119 mm pada 2005; di daerah Kubang Pasu, Padang Terap dan Pendang (300mm hingga 530mm), dan di Perlis (260mm hingga 360mm) serta Chuping (321mm).

Mengulas mengenai keadaan cuaca di Utara Semenanjung, ia dijangka semakin baik bagaimanapun, hujan renyai serta sederhana dijangka turun berterusan pada sebelah malam dan pagi sehingga Jumaat depan.

Sementara itu, laporan yang dikeluarkan stesen Meterologi sehingga 11 pagi semalam mencatatkan jumlah hujan di

Padang Besar sebanyak 7.5mm; di Sik (6.5mm), Kubang Pasu (1.7mm) dan Kota Setar, Kuala Muda, Kulim (0.0mm).

Sementara itu, Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dengan kerjasama Tentera Darat Malaysia melancarkan satu misi bantuan kemanusiaan untuk mangsa banjir di Kedah dan Perlis bagi memulihkan bekalan air bersih.

Ketua Pegawai Operasi SYABAS, Datuk Ir Lee Miang Koi, berkata bagi bantuan peringkat pertama ini, 10,000 botol air minuman 5 liter, 20 buah lori tangki air dan 50 buah tangki statik akan dihantar ke sana.



Stok makanan JKM mampu tampung keperluan 10 hari

KOTA BHARU: Stok makanan yang disimpan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan untuk mangsa banjir mampu menampung keperluan selama 10 hari jika bencana itu melanda serentak di seluruh negeri.

Pengarahnya, Mohd Noor Chik, berkata stok makanan itu dibeli dengan peruntukan fasa pertama berjumlah RM100,000.

"Berdasarkan peruntukan yang disediakan, kita beri jaminan tidak akan hadapi masalah untuk bantu mangsa banjir dalam menyediakan bekalan sekurang-kurangnya untuk tempoh 10 hari," katanya di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas persediaan JKM bagi menghadapi banjir pusingan kedua yang lazimnya menyusul tidak lama selepas keadaan bah pusingan pertama pulih.

Katanya, buat masa sekarang JKM dalam proses membeli bekalan itu bagi menghadapi kemungkinan banjir susulan.

"Kami juga sengaja tidak menyimpan stok bekalan berlebihan kerana dikhuatiri rosak atau luput tarikh apabila ia tidak habis digunakan. Kerana ini juga JKM mengambil langkah melakukan simpanan secara berhemah," katanya.

Mohd Noor berkata, berdasarkan prosedur yang diputuskan mesyuarat jawatankuasa

bencana alam negeri, peruntukan bantuan diagihkan kepada mangsa menerusi tiga fasa.

Fasa pertama akan dikendalikan jawatankuasa banjir jajahan yang dipengerusikan ketua jajahan masing-masing apabila banjir membabitkan tiga jajahan ke bawah.

Bagi fasa kedua pula, ia dikendalikan jawatankuasa bencana alam negeri yang dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) apabila banjir melanda lebih daripada tiga jajahan.

"Di bawah fasa kedua ini, Bilik Gerakan Banjir negeri yang terletak di pusat pentadbiran kerajaan negeri SUK akan dibuka 24 jam.

"Manakala fasa ketiga jawatankuasa bencana alam negeri akan meminta bantuan peringkat pusat iaitu Majlis Keselamatan Negara (MKN) apabila keadaan banjir negeri sampai di peringkat tidak terkawal (darurat)," katanya. — BERNAMA

“Berdasarkan peruntukan yang disediakan, kita beri jaminan tidak akan hadapi masalah untuk bantu mangsa banjir dalam menyediakan bekalan sekurang-kurangnya untuk tempoh 10 hari”

Mohd Noor Chik
Pengarah JKM Kelantan



LEBUH Raya Utara-Selatan menghalu ke Bukit Kayu Hitam dekat Kepala Batas ditenggelami banjir.



PENDUDUK sekitar Taman Uda di Jalan Sultanah Bahiyah yang terperangkap diangkut menggunakan jengkaut.



KEADAAN air yang mula naik di sekitar Bandaraya Alor Setar di Lebu Raya Darul Aman, semalam.

Pahang siap sedia hadapi banjir

KUANTAN: Jawatankuasa Pengurusan Bencana dan Bantuan Bencana Negeri (JPBBN) Pahang sudah melakukan persediaan secukupnya untuk menghadapi kemungkinan banjir dalam jangka masa terdekat.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail yang juga Pengerusi JPBBN berkata bencana banjir yang berlaku di utara Semenanjung adalah amaran awal kepada penduduk di negeri Pahang.

"Walaupun secara keseluruhannya cuaca di Pahang baik ketika ini, dijangkakan sekurang-kurangnya 40 peratus hingga 60 peratus hujan masih belum turun.

"Justeru, pihak kerajaan ne-

geri sentiasa bersedia untuk menghadapi bencana banjir yang berkemungkinan berlaku dalam jangka masa terdekat.

"Jentera menghadapi banjir melalui JPBBN bersedia digerakkan pada bila-bila masa, termasuklah persediaan dari segi logistik untuk operasi mencari dan menyelamat (SAR)," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini, semalam.

Katanya, kira-kira 8,400 kakitangan awam, termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan agensi sokongan sudah dikenal pasti

sepenuhnya untuk digerakkan apabila diperlukan.

Muhammad Safian berkata, JPBBN juga menyenaraikan sebanyak 442 kawasan di seluruh negeri yang berisiko diancam bencana banjir.

"Kami menjangkakan pertambahan beberapa kawasan yang menghadapi kemungkinan banjir berbanding pada tahun sebelumnya dan lebih membimbangkan jika berlaku hujan serentak dengan air pasang besar," katanya.

Muhammad Safian berkata, kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sudah mengenalpasti 594 pusat pemindahan sementara yang mampu menampung kira-kira 128,528 mangsa jika berlaku banjir.